

D.R. 15/2005

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1997.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005.

Pindaan am

2. Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [*Akta 561*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan "Islamic Law" di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam takrif "Administration Act" dalam subseksyen 3(1), dengan perkataan "*Hukum Syarak*"; dan
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "prosedur" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "tatacara".

Pindaan seksyen 3

3. Subseksyen 3(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan takrif "Hukum Syarak" dengan takrif yang berikut:

⁴ "Hukum Syarak" ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie, atau mengikut mana-mana satu Mazhab Maliki, Hanafi atau Hanbali;'

Pindaan seksyen 76

4. Seksyen 76 Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan memotong perkataan "to" yang terdapat selepas perkataan "evidence of any".

Pindaan seksyen 83

5. Subseksyen 83(1) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan memasukkan koma selepas perkataan "'*adil*".

Pindaan seksyen 97

6. Subseksyen 97(2) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan "cross-examination" dengan perkataan "cross-examining".

Pindaan seksyen 130

7. Seksyen 130 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Akta ini, Mahkamah hendaklah memakai Hukum Syarak."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ("Akta 561").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk membuat pindaan am kepada Akta 561 bagi maksud untuk menyeragamkan penggunaan istilah.

*Keterangan Mahkamah Syariah
(Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan)*

3

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 561 untuk meminda takrif Hukum Syarak.
5. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 130 Akta 561. Pindaan ini bertujuan menjelaskan bahawa Hukum Syarak akan dipakai jika terdapat apa-apa lakuna atau ketidakselarasan dalam Akta 561.
6. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini ialah pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2413]